

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia
Tarikh : 10/04/2017
Edisi / Muka Surat : Nasional / 28



ABDUL HAKIM AMIR OSMAN (kiri) memerhatikan cara permainan Global Zakat Game selepas majlis pelancaran pertandingan itu di Kuala Lumpur, baru-baru ini.

100 SMK sertai Global Zakat Game

SEBANYAK 100 buah Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur akan bersaing dalam pertandingan akhir Global Zakat Game Mei ini yang bertujuan meningkatkan kefahaman tentang zakat secara santai.

Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif Pusat Pungutan Zakat Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan (PPZ-MAIWP) Abdul Hakim Amir Osman berkata, pertandingan yang menggunakan media papan permainan yang bermula 4 Mac 2016 itu terbuka kepada penyertaan warga pendidik daripada SMK sekitar Kuala Lumpur.

“Setiap sekolah hanya perlu menghantar dua orang wakil dalam pertandingan akhir yang

berlangsung pada 17 Mei ini dan pemenang akan diumumkan pada hari yang sama,” katanya dalam majlis pelancaran pertandingan itu di Bukit Kiara, Kuala Lumpur, baru-baru ini.

Global Zakat Game merupakan ubah suai daripada permainan *Saidina* yang direka oleh Pensyarah Fakulti Syariah dan Undang-Undang Universiti Sains Islam Malaysia (USIM), Prof. Madya Dr. Azman Ab Rahman berdasarkan sukatan pelajaran subjek Pendidikan Islam tingkatan 2 dan 3.

Pertandingan ini dianjurkan dengan kerjasama Jabatan Pendidikan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan ditaja oleh Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (Angkasa).